

10/08/1998

Penyebar khabar angin bacul: PM (HL)

Wan Jailani Razak

LANGKAWI, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencabar penyebar khabar angin supaya bercakap secara terbuka, bukan bersembunyi selepas menyebarkan berita tidak berasas.

"Kita nak cari orang ini tapi semuanya sembunyi. Bacul semua ini. Kalau berani, keluarlah cakap terang-terang," kata Perdana Menteri yang turut menyifatkan pihak berkenaan sebagai pengkhianat.

Menurut Dr Mahathir, kerajaan sukar mengesan dan menangani perbuatan menyebarkan khabar angin kerana pihak berkenaan melakukannya secara bersembunyi.

Mengulas khabar angin kononnya berlaku rusuhan di beberapa kawasan di ibu kota khususnya di Chow Kit dan Puchong, Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, rakyat seharusnya tidak mengambil berat langsung mengenai khabar angin itu.

"Tak ada apa pun (yang berlaku). Cuma pengkhianat nak timbulkan huru-hara dengan niat yang tidak baik," katanya kepada pemberita selepas melawat Lapang Sasar Menembak Antarabangsa Langkawi Malaysia (Lisram) di sini, hari ini.

Khabar angin mengenai rusuhan itu dikatakan disebar pihak tertentu melalui Internet dan mel elektronik atau e-mel sehingga meresahkan orang ramai.

Khabar angin itu mendakwa kononnya berlaku rusuhan di Chow Kit dan Puchong membabitkan pekerja Indonesia mengumpul senjata untuk membuat kekacauan berikutan tindakan kerajaan tidak memperbaharui permit kerja yang berakhir 15 Ogos ini.

Dr Mahathir berkata, rakyat tidak perlu bimbang kerana negara ini mempunyai pegawai keselamatan mencukupi untuk menjaga keselamatan dan ketenteraman awam.

"Lagipun rakyat Malaysia bukan jenis orang yang nak berperang atau merusuh sesama sendiri," katanya yang sebelum itu turut meninjau beberapa projek pembangunan di sekitar Langkawi.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berharap akhbar dapat memainkan fungsi dalam membanteras gejala khabar angin.

Mengenai tindakan yang perlu dilakukan rakyat apabila mendengar khabar angin pada masa depan, Perdana Menteri berkata: "Rakyat sepatutnya memeriksa khabar angin itu dengan polis atau surat khabar yang tahu lebih dahulu."

Ditanya sama ada kerajaan sudah mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab menyebarkan khabar angin itu, Dr Mahathir berkata, perkara itu perlu disemak dengan polis.

(END)